

Hadi tukar dakwaan 'syaitan bisu' ulama UMNO bukan polis

UM - 7 SEP 2003
KUALA TERENGGANU 6 Sept. — Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang hari ini menukar dakwaannya bahawa 'syaitan-syaitan bisu' yang dimaksudkan pada sidang Dewan Undangan Negeri baru-baru ini ditujukan kepada ulama UMNO dan bukannya pasukan polis.

Sambil menyifatkan ucapannya telah disalahtafsirkan, Pemangku Presiden Pas itu memberi alasan, ia tidak ditujukan kepada polis kerana polis hanya bertindak sebagai pelaksana undang-undang dan bukan jurucakap.

"Kalau nak tafsirkan lebih jelas, yang sebenarnya 'syaitan-syaitan bisu' itu ialah ulama UMNO...itu lebih tepat kerana polis bukan sebagai jurucakap, sebaliknya peranan mereka hanya pelaksana undang-undang.

"Saya rasa mungkin Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri tak faham keseluruhan ucapan saya kerana berita yang disiarkan berupa petikan secara begitu sahaja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ijtimak Pas negeri, di sini, hari ini.

Abdul Hadi berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyifatkan cacian 'syaitan-syaitan bisu' oleh Abdul Hadi terhadap polis sebagai sesuatu yang melampau.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas berakhirnya hari kedua mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC), di Cyberview Lodge, semalam, Perdana Menteri dipetik sebagai berkata, adalah tidak patut seorang Menteri Besar membuat cacian sedemikian.

Akhbar-akhbar tempatan dan media elektronik Khamis lalu melaporkan kenyataan Hadi bahawa keengganan polis untuk bekerjasama melaksanakan Undang-undang kesalahan Jenayah Syariah Hudud, Qisas dan Takzir menyebabkan gejala maksiat berleluasa di negeri ini.

Beliau berkata, demikian ketika menjawab soalan lisan Ketua Pembangkang Datuk Abdul Rashid Ngah pada sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu.